



# PENDIDIKAN SRI AL-AMIN BANGI (PSAAB) POLISI YURAN

Tarikh Polisi :	Oktober 2023
Tarikh Semakan :	Jun 2024
Mukasurat :	3

## POLISI YURAN SEKOLAH-SEKOLAH PSAAB

SEKOLAH RENDAH SRI AL-AMIN BANGI

SEKOLAH MENENGAH SRI AL-AMIN BANGI

SEKOLAH RENDAH SRI AL-AMIN CYBERJAYA

SEKOLAH RENDAH SRI AL-AMIN SEMENYIH

### 1.0 Bayaran Pendaftaran

#### 1.1 Murid lama

- 1.1.1 Tiada bayaran yuran pendaftaran dikenakan dan pelajar hanya perlu membuat Pengesahan Bersekolah bagi sesi baru (Rujuk Surat Pengesahan Bersekolah sesi baru yang dikeluarkan)
- 1.1.2 Murid yang mempunyai Tunggakan Yuran tidak akan disenaraikan dalam senarai kelas bagi sesi baharu sehingga menyelesaikan yuran tunggakan tersebut. (Senarai kelas akan dikeluarkan dalam tempoh 1 bulan sebelum persekolahan sesi baru bermula)

#### 1.2 Murid baharu

- 1.2.1 Murid perlu membayar Yuran Pendaftaran Pelajar Baru dan Yuran Pengajian bulan pertama sebelum tarikh tutup penerimaan (Rujuk Surat Tawaran Kemasukan). Jika gagal berbuat demikian, murid dikira menolak tawaran dan tidak akan didaftarkan ke dalam senarai kelas.

### 2.0 Yuran Pengajian

#### 2.1 Yuran Pengajian Tahunan

- 2.1.1 Yuran yang perlu dibayar pada awal tahun pengajian dan dibayar sekali setahun
- 2.1.2 Perlu dibayar dalam tempoh 5 bulan dari tarikh sesi persekolahan bermula

#### 2.2 Yuran Pengajian Bulanan

- 2.2.1 Yuran perlu dibayar sebanyak sebelas (11) kali dalam satu(1) tahun/sesi mulai bulan pertama sesi baru persekolahan tanpa tertuggak.
- 2.2.2 Bayaran harus dibuat sebelum 10 haribulan setiap bulan



# PENDIDIKAN SRI AL-AMIN BANGI (PSAAB) POLISI YURAN

Tarikh Polisi :	Oktober 2023
Tarikh Semakan :	Jun 2024
Mukasurat :	3

## 3.0 Polisi Tuggakan Yuran.

Sekiranya pihak sekolah mendapati murid mempunyai tunggakan yuran (rujuk 1.0 dan 2.0), tindakan berikut akan diambil:

### 3.1 Polisi Tuggakan Yuran Bulanan:

- 3.1.1 Tuggakan melebihi 7 hari: Ibu bapa/penjaga akan menerima sms dan email peringatan
- 3.1.2 Tuggakan melebihi 1 bulan: Ibu bapa/Penjaga akan menerima sms, email dan peringatan yang berkaitan seperti keputusan rasmi peperiksaan tidak dikeluarkan
- 3.1.3 Tuggakan melebihi 3 bulan: Ibu bapa/Penjaga akan menerima sms, email dan surat amaran yang menyatakan murid akan diberhentikan pada akhir bulanan ke 6 serta segala peringatan yang berkaitan
- 3.1.4 Tuggakan melebihi 6 bulan: Ibu bapa/Penjaga akan menerima sms, email dan surat tuntutan menjelaskan semua tunggakan yuran dan juga surat pemberhentian murid
- 3.1.5 Tuggakan melebihi 4 bulan: Permohonan kemasukan anak yang baru (jika ada) tidak akan diproses

### 3.2 Polisi Tuggakan Yuran Tahunan

- 3.2.1 Tuggakan melebihi 1 bulan: Ibu bapa/penjaga akan menerima sms dan email peringatan
- 3.2.2 Tuggakan melebihi 3 bulan: Ibu bapa/penjaga akan menerima sms dan email peringatan berkaitan tempoh berakhir diskaun
- 3.2.3 Tuggakan melebihi 5 bulan: Ibu bapa/penjaga akan menerima sms dan email peringatan berkaitan penamatkan pemberian diskaun
- 3.2.4 Tuggakan melebihi 11 bulan: Ibu bapa/Penjaga akan menerima sms, email dan surat makluman bahawa murid tidak akan disambung persekolahan pada sesi baru atau tidak menerima Sijil Berhenti serta dokumen yang diperlukan
- 3.2.5 Tuggakan yuran tahunan: Permohonan kemasukan anak yang baharu (jika ada) tidak akan diproses

## 4.0 Polisi Pengembalian Yuran Bagi Pembatalan Kemasukan/Berhenti Sekolah

### 4.1 Murid Baru

- 4.1.1 Sebelum sesi persekolahan bermula Yuran Pendaftaran Pelajar Baru tidak dikembalikan
- 4.1.2 Setelah sesi persekolahan bermula Yuran Pendaftaran Pelajar Baru dan Yuran Pengajian Bulanan Pertama tidak akan dikembalikan.

### 4.2 Murid Lama

- 4.2.1 Yuran selain di 4.1.2 akan dikembalikan secara pro rata mengikut sesi persekolahan.



# PENDIDIKAN SRI AL-AMIN BANGI (PSAAB) POLISI YURAN

Tarikh Polisi :	Oktober 2023
Tarikh Semakan :	Jun 2024
Mukasurat :	3

- 4.2.2 Murid yang masuk atau keluar di mana-mana hari di pertengahan bulan perlu membayar Yuran Pengajian secara prorata yang akan dimaklumkan oleh pihak kewangan.
- 4.2.3 Sekiranya murid berhenti pada/selepas setelah tamat silibus atau selepas mengambil Peperiksaan Akhir Tahun atau Peperiksaan Awam, baki Yuran Pengajian Awal Tahun dan Bulanan tahun semasa perlu dijelaskan.

## 5.0 Polisi Murid Cuti/Tangguh Belajar

- 5.1 Murid yang sakit dan cuti berpanjangan atau tangguh belajar (cuti sendiri), tetapi masih berminat untuk meneruskan persekolahan samada pada sesi semasa atau seterusnya, yuran pengajian perlu dibayar seperti biasa.
- 5.2 Jika memilih untuk tidak membayar yuran pengajian, murid perlu memohon berhenti Sekolah dan sekiranya ingin kembali bersekolah perlu membuat pendaftaran sebagai murid baharu. Walau bagaimanapun, penerimaan untuk bersekolah semula adalah bergantung kepada kekosongan tempat yang ada

## 6.0 Polisi Murid Tumpang Sekolah

Murid tumpang yang telah diberi kelulusan menumpang bersekolah di Sekolah Sri Al-Amin Bangi akan dikenakan Yuran Pengajian Bulanan mengikut kiraan pro-rata bilangan hari persekolahan yang dipohon.

## 7.0 Lain-lain

Polisi ini adalah tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.